

08/07/1998

Ulama wajar jadi perintis kuasai ilmu

TIDAK siapa boleh menafikan kepentingan peranan institusi ulama dan hubungannya dengan masyarakat, dalam apa juga keadaan. Ulama adalah sumber rujukan umat Islam apabila menghadapi sebarang masalah yang berkaitan dengan isu agama. Malah, pada ulama juga diletakkan harapan yang begitu besar untuk menyelesaikan sesuatu kekusutan. Ulama diakui mampu menyelesaikan pelbagai persoalan dan dilema masyarakat kerana mereka adalah golongan yang dianggap berilmu dan arif dalam sesuatu bidang. Apabila ada sebarang kesangsian, terutama berkaitan soal hukum-hakam, merekalah golongan yang diharapkan dapat menyelesaikan masalah. Hari ini, ulama bukan saja dianggap sebagai pakar rujuk mengenai soal agama semata-mata, malah mereka dihujani dengan pelbagai persoalan baru.

Atas kedudukan mereka yang mulia di sisi masyarakat, segala panduan yang mereka berikan diterima pakai dengan penuh keyakinan. Memang inilah yang diharapkan umat Islam. Namun, kita percaya, ulama juga perlu melengkapkan lagi diri mereka dengan pelbagai ilmu yang mungkin sebelum ini asing bagi mereka. Mereka tidak seharusnya lagi membataskan kepakaran dalam sesuatu bidang tertentu kerana ia adalah tuntutan semasa. Apatah lagi dalam menghadapi pelbagai persoalan baru yang wujud dalam dunia yang begitu kompleks ini. Lebih kompleks dunia ini, lebih kompleks jugalah masalah manusia. Penyelesaian sesuatu masalah sama ada membabitkan soal agama atau bukan agama, begitu mencabar sekali.

Jika ulama boleh menguasai kepelbagaian ilmu, fungsi mereka dalam masyarakat akan menjadi lebih terserlah terutama diukur daripada kemampuan mereka memperjelaskan sesuatu perkara berasaskan ilmu yang sejagat. Kita yakin, ulama bukan saja boleh memperincikan soal agama, malah mereka juga mampu memperhitungkan perkara yang membabitkan soal saintifik. Jika Islam menuntut umatnya mencari ilmu hingga ke seluruh pelusuk dunia, walaupun hingga ke negeri China, bermakna Islam mementingkan semua umatnya meningkatkan pengetahuan masing-masing dan mengikut keadaan. Sudah tentulah ulama tidak terkecuali dalam soal ini. Malah, mereka seharusnya mendahului umat Islam yang lain. Walaupun mereka sudah dianggap begitu arif dalam sesuatu bidang ilmu, pencarian terhadap ilmu di luar bidang masing-masing, hendaklah diterokai dan diperluaskan. Dengan kemampuan mengadun antara idea baru dan persoalan agama, ditambah dengan pengalaman mereka yang luas, kita percaya ulama mempunyai tempat yang amat disanjung. Di sesetengah negara, pakar bidang sains atau sarjana dalam pelbagai disiplin ilmu, umpamanya, turut mengajar di institusi pengajian tinggi Islam terkemuka. Mereka adalah golongan ulama yang dihormati. Walaupun di negara ini adalah tokoh yang setanding dengan mereka, namun bilangan mereka dianggap masih kecil.

Pada kita, ulama bukan sekadar perlu mengetahui isu semasa yang biasanya membabitkan masalah sosial, akhlak dan kehidupan masyarakat serta kaitannya dengan hukum agama. Sebaliknya, adalah lebih baik jika mereka mengetahui soal yang membabitkan masalah ekonomi, alam sekitar, sains dan teknologi dan sebagainya. Dari sudut Islam, umpamanya, apakah kegawatan ekonomi ini boleh menyebabkan umat Islam hilang pedoman. Apakah pendekatan yang seharusnya diambil. Kita percaya banyak pengajaran daripada Islam yang boleh disampaikan, menuntut umatnya supaya menghadapi masalah dengan tabah. Kita tentulah tidak perlu memanggil ulama dari luar negara untuk memberitahu mengenai ekonomi, jika ulama kita bersedia berbuat demikian.

Kita percaya, jika seorang ulama turut mendalami sesuatu permasalahan

sejagat, mereka akan dapat mengupas sesuatu isu dengan lebih jelas dan meyakinkan. Sebagaimana disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, ulama sepatutnya turut memberi penjelasan terperinci mengenai pelbagai aspek kehidupan di dunia termasuk isu alam sekitar dan ekonomi, sesuai dengan ajaran Islam yang menjadikan agama suci itu sebagai addin atau cara hidup. Tetapi, jika ulama sendiri tidak mendalami sesuatu isu itu, tentulah sukar bagi mereka untuk membuat sebarang ulasan.

Kita akui, memang ramai ulama yang berkemampuan membincangkan pelbagai topik isu semasa. Isu semasa tidak seharusnya membabitkan soal halal-haram semata-mata. Ia seharusnya mencakupi isu mengenai kemajuan umat Islam dari segi sains dan teknologi, perindustrian, teknologi maklumat (IT) dan sebagainya. Ulama seharusnya menyedarkan umat Islam supaya memajukan diri dan bersaing dengan kaum lain demi menegakkan maruah Islam. Maruah Islam tidak akan dapat ditegakkan jika kehidupan mereka terus miskin dan terlalu bergantung kepada bantuan orang lain.

(END)